

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.03.2015**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada SRC International Sdn. Bhd. telah melabur dalam syarikat tenaga di Mongolia dan apakah butiran terperinci pelaburan tersebut dan kedudukan terkini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

SRC International Sdn Bhd telah melabur di dalam Gobi Coal & Energy Ltd, sebuah syarikat tenaga di Mongolia. Pelaburan Ini dilakukan bersama-sama dengan rakan niaga dana pelaburan antarabangsa dengan

pegangan ekuiti, masing-masing 50%. Setiap pelaburan oleh syarikat usahasama ini dilaksanakan mengikut amalan perniagaan yang baik dengan melihat perspektif jangka panjang serta mengambilkira sifat kitaran harga pasaran jangka pendek yang turun naik. Disamping itu, syarikat turut menjangkakan harga dan pulangan pelaburan yang akan meningkat dalam masa jangka panjang bagi sumber asli.